



SIARAN MEDIA

LIMA TAMAN TERBAIK NEGARA RAIH ANUGERAH ROSA-SINENSIS

JOHOR BAHRU, 28 JUN 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan pelbagai pertandingan bersempena Sambutan Hari Landskap Negara 2025 (HLN2025) bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan memeriahkan acara tahunan tersebut.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Anugerah HLN2025 telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), KPKT, YBhg. Tuan Hj. Zulkiflee bin Sulaiman pada pagi ini sebagai tanda penghargaan kepada penerima anugerah, para pemenang pertandingan dan juga rakan strategik yang telah bekerjasama dalam menjayakan Sambutan HLN2025.

Antara kemuncak majlis ialah **penyampaian Anugerah Rosa-sinensis: Penarafan Taman Awam**, iaitu inisiatif penarafan taman awam oleh JLN bagi **mengiktiraf taman dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif** untuk memenuhi fungsi sosial, alam sekitar dan biodiversiti bandar. Anugerah ini diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta pihak swasta yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar, perbandaran dan juga biodiversiti bandar.

Lima (5) taman telah menerima penarafan lima Rosa-sinensis tahun ini:

- 1. Central Park @ IOI Resort Putrajaya**
- 2. Taman Bandar Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor**
- 3. Taman Tasik Maran, Maran, Pahang**
- 4. Setia Fontaines Heritage Parks, Kepala Batas, Pulau Pinang**
- 5. Taman Botani Sarawak, Kuching, Sarawak**

Penerima anugerah menerima trofi dan sijil penghargaan. Sebanyak 12 penyertaan diterima dari seluruh negara sehingga Disember 2024, dan proses penjurian berlangsung dari Februari hingga April 2025, dikendalikan oleh juri profesional dari agensi kerajaan, IPTA dan sektor swasta.

Selain itu, sebanyak 11 kategori pertandingan telah dipertandingkan melibatkan pelbagai segmen komuniti dan institusi seperti Pertandingan Landskap melibatkan Kategori Kampung Tradisional, Kampung Baru Cina, Sekolah, Hotel dan Resort, Pertandingan Photojournalism, Pertandingan Seni Reka Arca dan Pertandingan Mural yang melibatkan pelajar IPTA dan IPTS.

Manakala pertandingan lain yang turut dipertandingkan adalah Pertandingan Laman PBT (kategori Majlis Bandaraya/Perbandaran & Majlis Daerah), Pertandingan *Booth* Terbaik Industri (Landskap Kejur) serta Pertandingan *Booth* Terbaik Industri (Landskap Lembut).

Pertandingan bermula pada November 2024 dan berakhir pada Februari 2025, dengan sesi penjurian fizikal dilakukan pada Mei 2025. Para pemenang menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan yang disampaikan dalam majlis ini.

Majlis ini turut meraikan rakan strategik yang telah memberikan kerjasama erat di dalam menjayakan sambutan HLN2025 seperti Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), Jabatan Pertanian dan juga penggiat industri landskap. Selain itu majlis ini turut meraikan penerima Anugerah Inspirasi Landskap Malaysia yang julung-julung kali diperkenalkan bagi menghargai peranan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan individu yang sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan landskap negara dan mengiktiraf profession landskap di Malaysia. Penerima anugerah tersebut adalah Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) dan juga Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).

Turut hadir ialah Datuk Bandar MBPG, YB Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN), Tuan Mansor bin Mohamad serta barisan pengurusan tertinggi KPKT, JLN dan MBPG.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

